

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' HJ. HASNOL ZAM ZAM BIN HJ. AHMAD

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN

JABATAN PERDANA MENTERI

BERSEMPENA PERHIMPUNAN BULANAN
BULAN APRIL 2019

=====

TARIKH: 24 APRIL 2019 (RABU)

MASA : 8.30 PAGI

TEMPAT : AUDITORIUM PERDANA, BLOK B1,
KOMPLEKS JPM

TEMA : #RINGGITKASORGA

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, salam sejahtera dan salam perkenalan kepada warga JPM

Terima kasih kepada saudara Pengacara Majlis;

YBrs. Encik Mohammad Bin Ismail

Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan dan Pembangunan) JPM;

YBrs. Puan Roziah Binti Abudin

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) JPM;

YBrs. Encik Shahrul Kamal Bin Osman

Setiausaha Bahagian Kewangan, selaku penganjur majlis pada kali ini;

dan

YBrs. Saudara Imam Muda Fakhru, selaku penceramah jemputan kita pada hari ini,

YBhg. Datuk-Datuk, Setiausaha-Setiausaha Bahagian, Ketua-Ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan serta hadirin hadirat yang dikasihi sekalian.

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana di atas limpah kurnia dan rahmat-Nya jua, Perhimpunan Bulanan Bersama Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri Bilangan 4 Tahun 2019 ini dapat diadakan. Ini juga merupakan perhimpunan bulanan di JPM yang pertama kali untuk saya semenjak dilantik sebagai TKSUK JPM mulai 17 April 2019 yang lepas.
2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada YBhg. Datuk Seri Mohd Zuki bin Ali atas perkhidmatan beliau sebagai TKSUK JPM sebelum ini dan saya berharap agar kecemerlangan JPM di bawah pimpinan beliau dapat saya sambung dengan kerjasama dan sumbangan bakti tuan-tuan dan puan-puan sepanjang perkhidmatan saya di sini.
3. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Bahagian Kewangan selaku Penganjur perhimpunan bulanan pada kali ini, dengan tema yang menarik, iaitu “#RinggitKasorga”. Saya juga dimaklumkan bahawa perhimpunan bulanan pada kali ini ada menjemput Saudara Imam Muda Fakhrul sebagai penceramah jemputan bagi mengupas isu-isu berkaitan dengan tema perhimpunan bulanan pada kali ini iaitu mengenai integriti dan bahaya rasuah. Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan terima kasih kepada pasukan koir Bahagian Kewangan kerana

menyanyikan lagu-lagu mengenai rasuah. Hayatilah mesej yang cuba disampaikan melalui persembahan koir itu kerana terdapat mesej-mesej mengenai tindak tanduk kita dalam melaksanakan amanah sebagai penjawat awam.

INTEGRITI DALAM PERKHIDMATAN AWAM

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

4. Saya ingin memetik kata-kata daripada Confucius, seorang ahli falsafah terkenal China, "*The strength of a nation derives from the integrity of the home*". Maksudnya di sini lebih kurang adalah kekuatan sesuatu negara bermula dengan adanya sifat integriti di rumah.
5. Dalam erti kata lain, seseorang individu yang telah dibiasakan dengan sifat-sifat berintegriti dari rumah atau sejak kecil, akan berasa tenang dan puas apabila mampu menunaikan tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya dengan berintegriti dan akan menghasilkan produktiviti yang berkualiti. Nilai didikan seperti inilah yang akan menjadi benteng yang menghalang segala godaan yang boleh menjerumuskan seseorang melakukan perkara yang tidak bermoral seperti amalan rasuah dan salah guna kuasa. Dalam Al-Quran juga kita diperingatkan melalui ayat "bahawa hendaklah kita menjaga diri kita dan kaum keluarga kita daripada seksaan api neraka". Ianya juga berkait rapat dengan amalan integriti, pematuhan kepada arahan dan juga

mengelakkan daripada mengamalkan perkara-perkara yang dilarang.

6. Sering kali bila bercakap tentang integriti, kita akan bertumpu kepada penekanan sifat integriti dalam konteks perkhidmatan awam di mana ianya dianggap sebagai enjin penggerak kepada proses pembangunan negara. Perkhidmatan awam memainkan peranan yang penting untuk memacu pembangunan sosio ekonomi dan pembangunan negara. Sehubungan itu, organisasi seperti JPM juga adalah ibarat sebuah unit kecil seperti 'rumah' yang dimaksudkan oleh Confucius tadi dan sifat integriti hendaklah dipupuk dalam kalangan warga kerjanya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

ISU RASUAH DALAM KALANGAN PENJAWAT AWAM

7. Apabila menyentuh mengenai isu rasuah dalam kalangan penjawat awam, pada tahun 2017, terdapat 409 kes melibatkan penjawat awam daripada 879 kes tangkapan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) iaitu sebanyak 46.5%, manakala bagi tahun 2018 pula, terdapat 418 kes tangkapan penjawat awam daripada 894 kes iaitu sebanyak 48.7%. Secara amnya statistik ini, yang diperolehi daripada laman sesawang SPRM, menunjukkan peningkatan aduan dan tangkapan mengenai rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan sejak kebelakangan ini. Ini merupakan

isu integriti yang menjejaskan imej perkhidmatan awam khususnya, dan kerajaan amnya.

8. Isu integriti juga telah dibangkitkan di dalam laporan Ketua Audit Negara pada setiap tahun. Antara teguran-teguran yang kerap kali disebut dalam laporan tersebut adalah mengenai kelemahan dalam pengurusan kewangan, pengurusan hasil, perancangan dan pemantauan, serta mengawal perbelanjaan. Ini mengakibatkan kerugian dan krisis keyakinan terhadap kerajaan, dan sekali gus mencemarkan imej perkhidmatan awam.
9. Integriti sering dikaitkan dengan ketinggian prinsip-prinsip moral yang menjadi cerminan peribadi setiap individu tanpa mengambil kira sama ada dilihat atau tidak. C.S. Lewis, seorang ahli akademik terkenal berasal dari Britain, pernah berkata "*Integrity is doing the right thing, even when no one is watching*". Justeru itu, kemahuan untuk melaksanakan suatu tugas '*without fear or favor*' sebagai penjawat awam, merupakan satu pendirian tegas yang wajib dihayati dan dipegang kuat oleh setiap warga JPM khususnya dan penjawat awam secara umumnya.
10. Apatah lagi apabila soal keterbukaan, kebebasan, ketelusan, bersih dan amanah, merupakan matlamat kepada Malaysia baharu, harapan baharu yang dicerminkan melalui hasrat pentadbiran di bawah kabinet baharu kepimpinan Perdana Menteri YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad. Antara slogan yang

diperkenalkan dalam usaha untuk meningkatkan kualiti integriti mengenai rasuah di negara ini adalah supaya Malaysia ini dikenali kerana integritinya dan bukan kerana rasuahnya. Saya harapkan slogan yang sama juga dipegang oleh setiap antara kita supaya kita dikenali kerana integriti dan bukan kerana rasuah. Isu rasuah dari satu konteks sebenarnya adalah isu pilihan. Pilihan yang dibuat sama ada disebabkan oleh pengekelan dari mengatasi yang ada dalam bentuk tanggungjawab, kuasa dan sebagainya. Jadi, hendaklah sama-sama kita memastikan bahawa kita tidak terjebak dan terlibat dalam apa jua bentuk dan keadaan yang berkaitan integriti dan rasuah.

11. Pada masa ini kerajaan sedang giat memperkukuhkan institusi berkaitan dengan pengurusan dan juga mengatasi masalah yang berkaitan dengan rasuah. Saya dimaklumkan di JPM ini akan memula untuk membentuk CRM iaitu *Corruption Risk Management* yang mana kita akan mengenal pasti risiko-risiko rasuah di dalam proses-proses kerja kita, tanggungjawab yang diberikan kepada kita supaya risiko-risiko yang dikenal pasti itu dapat diatasi dengan cara dan kaedah yang berkesan dan boleh menjadi satu benteng atau kaedah pencegahan kepada amalan rasuah dan sebagainya. Kita juga giat menjalankan program *job rotation* iaitu sebagai salah satu kaedah bagi mengelakkan berlakunya elemen-elemen rasuah yang berlaku yang disebabkan oleh seseorang pegawai sama ada diperingkat pengurusan dan profesional atau peringkat pelaksana

yang boleh membuka ruang dan peluang kepada berlakunya amalan-amalan rasuah.

12. Rasuah dan integriti ini hendaklah dilihat dalam konteks yang luas dan ianya tidak hanya tertumpu kepada amalan rasuah tetapi juga berkaitan dengan segala amanah yang diberikan kepada kita termasuk apa-apa kerja yang dibuat itu mestilah berdasarkan peraturan dan ketetapan yang diputuskan sama ada dalam bentuk akta, garis panduan, SOP dan sebagainya. Ini adalah untuk memastikan bahawa perbelanjaan dan juga keputusan-keputusan yang berkaitan dengan penggunaan sumber dapat diberikan *value* kepada kerajaan dan juga masyarakat. Sering kali kita dapati bahawa perkara-perkara yang menjadi sebab kepada kekecewaan pelanggan terhadap perkhidmatan yang diberikan itu tidak dapat diberikan dengan yang terbaik kepada rakyat disebabkan oleh isu-isu yang berkaitan dengan integriti dan juga rasuah.

PERKARA-PERKARA BERKAITAN PENGURUSAN KEWANGAN

Tuan-tuan dan puan-puan,

13. Bagi tahun 2018, Jabatan Perdana Menteri telah mencatat prestasi perbelanjaan sebanyak 97.09% bagi peruntukan mengurus iaitu telah membelanjakan sebanyak RM4,605,879,858 daripada jumlah keseluruhan yang diluluskan (selepas pindaan) sebanyak RM4,744,146,767.

14. Banyak perkara '*major*' telah berlaku pada tahun 2019 dan antaranya adalah rasionalisasi kementerian-kementerian selepas PRU14 yang mana telah memberi impak yang besar kepada JPM iaitu pengurangan bilangan sebanyak 73 kepada 46 buah jabatan/ agensi/ CLBG/ badan berkanun persekutuan. Sudah tentu ini telah memberikan kesan yang besar dari segi pencapaian prestasi perbelanjaan dan jumlah peruntukan mengurus yang telah diluluskan bagi tahun 2019.
15. Seperti kelaziman, pihak Kementerian Kewangan, melalui Pekeliling Perbendaharaan PB 1.3 'Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Tahun 2020', akan memulakan gerak kerja bagi penyediaan bajet 2020 yang akan dibentangkan pada bulan Oktober 2020 nanti.
16. Bagi tahun ini, sesi semakan anggaran belanja mengurus 2020 ini telah pun bermula semalam pada 23 April 2019 yang akan melibatkan kesemua 46 buah jabatan/ agensi di bawah JPM dengan siling indikatif secara keseluruhannya bagi JPM Vot B06 ditetapkan sebanyak RM3,896,867,600 juta. Penganan bajet 2020 pada kali ini adalah berdasarkan penyusunan perbelanjaan dengan mengambil kira secukupnya emolumen, serta memberi keutamaan kepada perbelanjaan komited terutamanya yang berkontrak dan penyelenggaraan aset kerajaan terlebih dahulu.

17. Tahun ini adalah merupakan tahun yang penting di mana ianya merupakan tempoh di mana rakyat melihat dan menilai sejauh mana keberkesanan penyampaian perkhidmatan disampaikan oleh jentera pentadbiran awam negara, lebih-lebih lagi di bawah kepimpinan negara yang baharu selepas Pilihanraya Umum ke-14 pada tahun lepas.
18. Justeru itu, warga JPM semua perlu memainkan peranan penting dalam menjalankan pentadbiran kerajaan dan dalam masa sama melaksanakan program dengan cekap, efisien dan integriti supaya segala yang hendak dilaksanakan itu dapat disampaikan manfaatnya kepada rakyat.

PENUTUP

Tuan-tuan dan puan-puan warga JPM sekalian,

19. Akhir kata, saya ingin mengingatkan diri saya sendiri dan juga kepada tuan-tuan dan puan-puan bahawa pelaksanaan tugas yang telah diamanahkan kepada kita adalah merupakan satu ibadah. Oleh itu, perlulah kita sentiasa tanamkan perasaan dan kemahuan serta keinginan untuk melaksanakan tugas dengan ikhlas, berintegriti dan penuh kesempurnaan sebagai satu ibadah bagi mendapat keberkatan.

20. Selepas ini, kita akan mendengar perkongsian ilmu yang akan disampaikan oleh penceramah jemputan kita saudara Imam Muda Fakhru. Semoga apa yang akan disampaikan oleh beliau nanti dapat kita sama-sama hayati dan dijadikan panduan ke arah menjadi insan dan penjawat awam yang lebih baik, Insya Allah.
21. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan selamat menyambut Ramadhan dan sama-sama kita berdoa supaya usia kita dipanjangkan dan dipertemukan dengan bulan Ramadhan yang akan datang. Di dalam bulan Ramadhan itu sendiri, sepanjang kita mengamalkan ibadah puasa, banyak latihan-latihan dapat dipraktikkan dalam memperkukuhkan nilai jati diri kita berkaitan integriti yang dapat kita jadikan sebagai amalan.
22. Sekali lagi, saya ucapkan syabas dan terima kasih kepada Penganjur.

Wabillahittaufik walhidayah,

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Sekian, terima kasih.